



Bangunan Parlimen



Balai Polis Hill Street Lama



Gereja Apostolic Armenia St Gregory the Illuminator



Arkib Negara Singapura



Galeri Nasional Singapura



Balai Bomba Pusat




Muzium Filateli Singapura dan Arkib Negara Singapura



Muzium Peranakan



Bendungan Marina



Muzium Singapura



Taman Fort Canning



Taman Merlion



Bangunan Fullerton



Rumah Fullerton Waterboat



Panggung Victoria dan Dewan Konsert Victoria



Muzium Tamadun Asia



Esplanade - Teater di Peisiran



Taman Di Peisiran



Bangunan Seni di Bangunan Parlimen Lama



Jambatan Helix



Sungai Singapura



Jambatan Jubli

## Pengenalan

Jejak Jubli adalah jejak peringatan sepanjang 8 kilometer yang menghubungkan-kaitkan unsur-unsur masa lampau, masa kini dan masa depan dalam kisah Singapura, dari zaman purba Temasek hinggalah ke zaman penjajahan, seterusnya kepada era pembangunan Singapura selaku sebuah negara merdeka, perkembangannya sebagai bandar yang pesat serta pelbagai kemajuan selanjutnya.

Merangkumi kawasan-kawasan bersejarah dan ikonik seperti Taman Fort Canning, Sungai Singapura, Kawasan Sivik dan Marina Bay, Jejak Jubli menawarkan peluang untuk menemui rakyat dan masyarakat yang telah menyumbang kepada pembinaan bandar Singapura. Tarikan Singapura sebagai sebuah pusat perdagangan serantau abad ke-14, wawasan dan titik peluh para perintis penjajah dan pendatang, serta hari-hari 'Merdeka' (yang bermaksud kebebasan atau kemerdekaan dalam istilah bahasa Melayu) yang penuh pergolakan, hanyalah merupakan sebahagian kecil daripada koleksi pelbagai kisah yang sedia untuk dibentangkan sepanjang Jejak Jubli ini. Pastinya, kisah-kisah ini akan turut menceritakan pengalaman-pengalaman di sebalik perjalanan dan penubuhan bandar moden Singapura, serta usahanya mengatasi pelbagai jenis cabaran untuk muncul sebagai salah sebuah bandar global yang utama dan berjaya pada hari ini.

### 1 Muzium Negara Singapura

93 Stamford Road

Perpustakaan dan Muzium Raffles telah ditubuhkan pada tahun 1887. Sejak penubuhannya, kandungan koleksinya telah ditambah dan diperkembangkan demi meneroka aspek-aspek sejarah, sosial dan arkeologi Singapura serta rantau sekelilingnya.

Ditukar namanya kepada 'Muzium Negara' pada tahun 1960, muzium ini mengikuti dan merakami kenangan-kenangan bersama negara dan memamerkan segala kejayaan dan pencapaian Singapura.



Ilustrasi Lembaga Warisan Negara

### 2 Taman Fort Canning

Yang bersenpandankan Hill Street, Canning Rise, Clemenceau Avenue dan River Valley Road

Taman Fort Canning merupakan pucuk pimpinan Temasek, iaitu sebuah kerajaan Melayu yang wujud pada abad ke-14, yang kemudiannya dikenali sebagai Singapura. Ianya kaya dengan khazanah arkeologi, termasuk syiling-syiling purba dan emas Jawa, dan porselin Cina turut telah ditemui di sini. Penemuan artifak-artifak arkeologi ini jelas memaparkan status mantap Singapura sebagai sebuah pusat perdagangan yang maju dan pesat pada zaman abad ke-14.

Pada suatu masa dan ketika, Fort Canning pernah diubah-suai untuk memenuhi keperluan dan kegunaan pihak tentera dan pemerintah, namun kini ianya merupakan sebuah pusat aktiviti kesenian dan budaya, di mana kandungan warisan yang terpelihara di tengah-tengah kehijauan yang subur.



Ilustrasi Lembaga Warisan Negara

### 3 Muzium Peranakan

39 Armenian Street

Pada tahun 1912-1982, bangunan ini telah menempatkan Sekolah Tao Nan yang merupakan antara institusi pendidikan tempatan awal yang memelopori pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Mandarin (bukan dialek) dan bahasa Inggeris.

Bangunan ini kemudian menempatkan pula sebahagian pertama Muzium Tamadun Asia dari tahun 1997 hingga ke tahun 2005. Selepas itu, ianya menjalani proses pembaharuan dan diubahsuai menjadi Muzium Peranakan, yang memamerkan latar belakang budaya Peranakan yang kaya dengan unsur-unsur fusion, dan telah dibuka kepada masyarakat awam pada tahun 2008.



Ilustrasi Lembaga Warisan Negara

### 4 Muzium Filateli Singapura dan Arkib Negara Singapura

23B Coleman Street (Muzium Filateli Singapura); 1 Canning Rise (Arkib Negara Singapura)

Tapak ini pernah menempatkan Gereja Methodist yang pertama di Tanah Melayu, yang telah dibina pada tahun 1886. Ia juga merupakan tapak sekolah pertama yang diketolakan para penganut Methodist di Singapura, iaitu Sekolah Anglo-Chinese, yang menawarkan pengajaran dalam Bahasa Inggeris dan Cina.

Tapak ini kini menempatkan Muzium Filateli Singapura yang telah dibuka pada tahun 1995. Arkib Negara Singapura turut berpindah ke lokasi ini pada tahun 1997.



Koleksi Muzium Filateli Singapura; Sumbangan Profesor Cheah Jin Seng

### 5 Gereja Apostolic Armenia St Gregory the Illuminator

60 Hill Street

Setibanya mereka di Singapura pada awal abad ke-19 sebagai pedagang, masyarakat Armenia terus menetap dan berkembang di Singapura, dan telah membina gereja ini pada tahun 1835, lantas menjadikannya gereja Kristian yang tertua di Singapura.

Dua mercu tanda lain yang telah didirikan oleh masyarakat-masyarakat pendatang yang telah berakar umbi di daerah ini - Masjid al-Burhani dan Dewan Perumahan dan Perusahaan Cina Singapura (Chinese Chamber of Commerce and Industry).



Ilustrasi Lembaga Warisan Negara

### 6 Balai Bomba Pusat

62 Hill Street

Dibina pada tahun 1909 sebagai sebahagian daripada proses pemodenan Pasukan Bomba Singapura, bangunan ini menyanangkan sejenis penampilan unik, iaitu penempatan yang bertembakan 'Darah dan Pembalut'. Ini disebabkan kerana semasa Perang Dunia Kedua, walaupun ianya telah disaluti dengan cat penyamir, bangunan ini tetap mengalami serangan bom.

Ia juga merupakan balai operasi bomba yang tertua di Singapura, dan Pasukan Pertahanan Awam Singapura turut mengendalikan sebuah galeri warisan di sini.



Ilustrasi Lembaga Warisan Negara

### 7 Balai Polis Hill Street Lama


140 Hill Street

Sebagai sebuah balai dan berek polis, bangunan ini merupakan bangunan pemerintah yang terbesar setelah siap dibina pada tahun 1934. Semasa Perang Dunia Kedua, bangunan ini telah dijadikan sebuah pusat soal siasat oleh pihak tentera Jepun.

Semenjak itu, ia telah berfungsi sebagai ibu pejabat buat pelbagai agensi awam dan kini, ianya menempatkan Kementerian Perhubungan dan Penerangan (MCI), serta Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia (MCCY).



Koleksi Puan J.A. Bennett; Ilustrasi Lembaga Warisan Negara



## Plan Lokasi

### PETANDA JEJAK JUBLI

- 1 Muzium Negara Singapura
- 2a Taman Fort Canning (Melalui Muzium Negara Singapura)
- 2b Taman Fort Canning (Melalui Hill Street)
- 2c Taman Fort Canning (Melalui Clemenceau Avenue)
- 3 Muzium Peranakan
- 4 Muzium Filateli Singapura dan Arkib Negara Singapura
- 5 Gereja Apostolic Armenia St Gregory the Illuminator
- 6 Balai Bomba Pusat
- 7 Balai Polis Hill Street Lama
- 8 Sungai Singapura
- 9 Muzium Tamadun Asia
- 10 Panggung Victoria dan Dewan Konsert Victoria
- 11 Taman Esplanade
- 12 Padang
- 13 Galeri Nasional Singapura
- 14 Bangunan Seni di Bangunan Parlimen Lama
- 15 Bangunan Parlimen
- 16 Bangunan Fullerton
- 17 Rumah Fullerton Waterboat
- 18 Taman Merlion
- 19 Jambatan Jubli
- 20 Esplanade – Teater di Pesisiran
- 21 Jambatan Helix
- 22 Taman Di Pesisiran
- 23 Bendungan Marina

### 8 Sungai Singapura

Dapat diakses melalui Boat Quay

Selepas Singapura diisytiharkan sebagai sebuah pelabuhan bebas pada tahun 1819, dalam masa yang singkat Sungai Singapura telah menjadi nadi pembangunan pulau Singapura, hasil perdagangan pesat dan perkembangan masyarakat-masyarakat pendatang yang bertapak dan menetap di sini.

Namun, menjelang 1970-an, sungai ini telah menjadi sangat kotor akibat pencemaran berikutan lamanya. Maka itu Perdana Menteri pertama Singapura iaitu Enik Lee Kuan Yew, memberi arahan untuk menjalankan usaha pembersihan sungai tersebut, yang telah memakan masa selama sepuluh tahun untuk diselesaikan. Hasilnya, Sungai Singapura menjadi sebuah destinasi gaya hidup pesisiran yang indah pemandangannya.



Ilustrasi Lembaga Warisan Negara

### 9 Muzium Tamadun Asia

1 Empress Place

Ditubuhkan sebagai sebuah mahkamah pada tahun 1867, muzium ini terletak di tengah-tengah kawasan persegi yang telah dinamakan Empress Place pada tahun 1907 sebagai tanda penghormatan kepada Permaisuri Victoria Britain yang turut menyandang pangkat Maharani India.

Empress Place merupakan lokasi di mana seruan awal untuk "Merdeka" pada 1950-an dilancarkan, dan juga merupakan tapak pendaftaran para pengundi warga Singapura sebelum ianya dijadikan Muzium Tamadun Asia pada tahun 2003.



Ilustrasi Lembaga Warisan Negara

### 10 Panggung Victoria dan Dewan Konsert Victoria

9 Empress Place

Asalnya disiapkan sebagai Dewan Perbandaran pada tahun 1862, Panggung Victoria kini merupakan bangunan seni pentas yang tertua di Singapura. Sebuah Dewan Peringatan (kini dikenali sebagai Dewan Peringatan Victoria) telah dibina antara tahun 1903 dan 1905 dan disambungkan dengan Dewan Perbandaran melalui sebuah menara jam.

Dewan-dewan ini telah menjadi saksi kepada pelbagai peristiwa bersejarah Singapura, termasuklah persembahan pertama lagu 'Majulah Singapura', yang kemudiannya secara rasminya dijadikan Lagu Kebangsaan Singapura pada tahun 1959.



Ilustrasi Lembaga Warisan Negara

### 11 Taman Esplanade

Dapat diakses melalui Connaught Drive

Selain merupakan tempat perjumpaan sosial semenjak abad ke-19 lagi, Taman Esplanade turut menempatkan tugu-tugu peringatan demi memperingati perjuangan-perjuangan awal negara, seperti Air Pancut Tan Kim Seng, Tugu Peringatan Perang Dunia Pertama dan Kedua iaitu 'The Cenotaph', Tugu Tentera Nasional India serta Tugu untuk memperingati Perjuangan Rakyat Singapura Menentang Kekejaman dan Kegiatan Subversif Parti Komunis Malaya (CPM).



Ilustrasi Lembaga Warisan Negara

### 12 Padang

Dapat diakses melalui St Andrew's Road

Dengan lokasinya yang berhadapan dengan laut sebelum kerja penambakan tanah dijalankan, Padang telah menyaksikan banyak detik kejadian sejarah yang penting, termasuk berakhirnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1945, Perbarisan Hari Kebangsaan pertama Singapura pada tahun 1966, dan yang terkini sambutan Perbarisan Hari Kebangsaan sempena SG50 pada tahun 2015. Kelab Kriket Singapura dan Kelab Rekreasi Singapura juga terletak di sini.



Ilustrasi Lembaga Warisan Negara

### 13 Galeri Nasional Singapura

1 St Andrew's Road

Galeri Nasional Singapura menguni dua bangunan yang dahulunya menempatkan Dewan Bandarya dan Mahkamah Tinggi. Dewan Bandarya merupakan tempat di mana pihak tentera Jepun menyerah kalah secara rasmi pada tahun 1945 dan Mahkamah Tinggi pula merupakan mahkamah di mana perbicaraan jenayah perang dijalankan pada tahun 1946.

Pada tahun 1965, Perdana Menteri Lee Kuan Yew telah mengumumkan Perisytiharan Kemerdekaan Singapura dari pejabat beliau di Dewan Bandarya.



Ilustrasi Lembaga Warisan Negara

### 14 Bangunan Seni di Bangunan Parlimen Lama

1 Old Parliament Lane

Dibina pada tahun 1827, bangunan ini merupakan bangunan awam tertua Singapura yang masih tersergam hingga ke hari ini.

Antara tahun 1955 dan 1963 ianya merupakan lokasi di mana Sesi Dewan Perundangan Singapura dijalankan, dan kemudiannya turut menjadi tapak Parlimen Singapura antara tahun 1955 dan 1963. Sebagai Bangunan Parlimen pada tahun-tahun awal zaman pembangunan Singapura, ianya merupakan pentas utama perbahasan politik. Pada hari ini, ia adalah tempat di mana program-program dan pesta-pesta seni pelbagai disiplin dianjurkan.



Ilustrasi Lembaga Warisan Negara

### 15 Bangunan Parlimen

1 Parliament Place

Bangunan yang tersergam indah ini adalah Bangunan Parlimen Singapura sejak tahun 1999, dan berdiri megah sebagai lambang ikrar sebuah negara yang berpancukan sistem demokrasi berpartimen. Sistem parlimen Singapura telah dikemaskini dan diperhalusi untuk merangkumi inisiatif-inisiatif dalam negeri seperti Majlis Presiden bagi Hak-hak Kaum Minoriti, Kawasan Undi Perwakilan Kumpulan dan sistem Anggota Parlimen Yang Dilantik.



Ilustrasi Lembaga Warisan Negara

### 16 Bangunan Fullerton

1 Fullerton Square

Bekas Pejabat Pos Besar ini telah siap dibina pada tahun 1928 sebagai salah sebuah bangunan bersejarah di sepanjang pantai Singapura. Semenjak penubuhannya, ianya pernah menempatkan sebuah lampu isyarat rumah-rumah, berfungsi sebagai kawasan plaza di mana perhimpunan rapat-rapat umum parti politik diadakan dan turut menempatkan pelbagai agensi awam.

Pada tahun 1990-an, bangunan ini telah diubah dan diubahsuai untuk menjadi Hotel Fullerton.



Ilustrasi Lembaga Warisan Negara

### 17 Rumah Fullerton Waterboat

3 Fullerton Road

Kawasan ini menawarkan pemandangan selat yang sangat indah dan di sini juga terletaknya pejabat Ketua Pelabuhan yang menyelia pelabuhan Singapura pada akhir abad ke-19. Rumah Fullerton Waterboat yang didirikan pada tahun 1949 dan kemudiannya diambil alih oleh Penguasa Pelabuhan Singapura, telah menyediakan khidmat bekalan air bersih kepada kapal-kapal yang melabuh di Singapura sehingga tahun 1990.



Ilustrasi Lembaga Warisan Negara

## Tentang Jejak Jubli

Dilancarkan pada tahun 2015 sempena meraihan ulang tahun kemerdekaan Singapura yang ke-50, Jejak Jubli memperingati pencapaian-pencapaian penting dan utama sepanjang pembangunan negara kita dan merupakan warisan buat sambutan Jubli Emas Singapura yang fizikal lagi berkekalan. Ia adalah suatu usahasama hasil gabungan pelbagai agensi dalam negeri termasuklah Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia (MCCY), Lembaga Warisan Negara (NHB), Lembaga Taman Negara (NParks) dan Penguasa Pembangunan Semula Bandar (URA).



Matlamat lanjut tentang warisan Singapura boleh didapati di <http://nhb.gov.sg/>



Matlamat lanjut tentang warisan Singapura boleh didapati di <http://ura.gov.sg/consportal>




### 18 Taman Merlion

Dapat diakses melalui Esplanade Drive

Patung Merlion yang mempunyai bentuk kepala singa dan badan ikan adalah rujukan kepada nama-nama purba Singapura, iaitu "Singapura", yang bermaksud "Kota Singa" dalam bahasa Sanskrit, dan "Temasek", yang bermaksud "Kota Laut" dalam bahasa Jawa. Ia pada asalnya terletak di muara Sungai Singapura sebelum dipindahkan ke Taman Merlion pada tahun 2002.

Patung yang dirasmikan pada tahun 1972 ini menggabungkan sejarah purba Singapura dengan pencapaian dan kejayaan pelabuhannya. Ia telah direka bentuk oleh pelukis dan pendidik Kwan Sai Kheng dan dukir oleh juruukir Lim Nang Seng.



Ilustrasi Lembaga Warisan Negara

### 19 Jambatan Jubli

Dapat diakses melalui Taman Merlion dan Esplanade Drive

Jambatan sepanjang 220 meter ini menghubungkan Taman Merlion dan persiaran di pesisiran yang berhadapan Esplanade, dan menawarkan pemandangan panorama Kawasan Sivik, Kawasan Pusat Bandar, dan Marina Bay. Jambatan ini dirasmikan oleh Perdana Menteri Lee Hsien Loong sebagai sebahagian daripada sambutan Jubli Emas Singapura pada tahun 2015.



### 20 Esplanade – Teater di Pesisiran

1 Esplanade Drive

Bentuk seni binanya yang menyerupai buah durian iaitu sejenis buah tempatan yang berdur, serta merta membuat Esplanade – Teater di Pesisiran dikenali ramai. Ianya telah dibina pada tahun 2002 sebagai pusat seni pentas Singapura yang terunggul. Program-program dan atur cara yang dikendalikan di sini merangkumi pelbagai pesta masyarakat, usaha-usaha seni pentas berikutan dan set-set seni pentas yang terkemuka di seluruh dunia, yang memenuhi citarasa para penonton dari berbilang latar belakang.



Ilustrasi Lembaga Warisan Negara

### 21 Jambatan Helix

Dapat diakses melalui Raffles Avenue

Dibina pada tahun 2010, Jambatan Helix adalah sebahagian daripada persiaran di pesisiran sepanjang 3.5 kilometer yang berterusan di sekeliling Marina Bay. Direka bentuk dengan struktur lingkaran keluli yang menyerupai DNA (unsur dasar gen), Jambatan Helix ini melambangkan tema "kehidupan dan kesinambungan", yang membayangkan visi Singapura buat kawasan Marina Bay, iaitu sebagai sebuah pusat aktiviti utama di mana rakyat Singapura boleh hidup, bekerja dan beriadah, yang sekitarnya dipenuhi kehijauan taman dan kebiruan air.



### 22 Taman Di Pesisiran

18 Marina Gardens Drive

Sebuah "taman rakyat" di tengah-tengah bandar raya, Gardens by the Bay, ataupun Taman Di Pesisiran, terdiri daripada tiga taman, iaitu, Bay South, Bay East dan Bay Central. The Gardens dan rumah-rumah hijauannya memamerkan keindahan pelbagai jenis flora dan fauna, di samping menampilkan dan menggalakkan jenis sistem pembangunan bandar yang dijalankan serentak dengan pemeliharaan alam semulajadi.

Suhu rendah rumah-rumah hijau dikawal dengan menggunakan tenaga yang dijana dengan sisa-sisa hortikultur, dan lampu-lampu di pokok-pokok Mega dihidupkan dengan menggunakan kuasa suria. Tumbuhan-tumbuhan dalam air di tasik-tasik pula menapis dan membersihkan air tersebut sebelum ianya mengalir ke Kolam Air Simpanan Marina yang terletak bersebelahan dengannya.



### 23 Bendungan Marina

8 Marina Gardens Drive

Bendungan Marina yang dibuka secara rasmi pada tahun 2008 memenuhi fungsi pentas sebagai kolam simpanan air tawar di mana satz kawasan tadahannya sebesar satu perempat saiz Singapura. Ia turut merupakan kawasan pengurusan kawalan banjir. Selain itu, ia juga adalah tempat daya tarikan keluarga-keluarga yang amat popular. Bendungan Marina melambangkan usaha inovasi Singapura yang berterusan demi mengatasi batasan-batasan yang dihadapi dan menjadikan pulau ini tempat tinggal yang terbaik buat semua.



Ilustrasi Lembaga Warisan Negara